

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 APRIL 2016

Pendidikan awal penting untuk kanak-kanak autisme – Najib

UM - 1/4/2016

KUALA LUMPUR 31 Mac - Penyediaan pendidikan awal yang sempurna untuk kanak-kanak autisme mampu mengurangkan kos rawatan sepanjang hayat yang terpaksa ditanggung ibu bapa dan juga kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, selain faktor kos, pendidikan awal yang sempurna juga berupaya mencungkil kebolehan dan keupayaan tersendiri yang dimiliki kanak-kanak itu.

Mengambil contoh kos rawatan bagi kanak-kanak autisme di barat, beliau berkata, Amerika Syarikat (AS) yang mempunyai seramai 1.5 juta penghidap autisme terpaksa membelanjakan AS\$30 bilion (RM116 bilion) setahun.

Hal sama katanya, berlaku di United Kingdom (UK) sehingga negara tersebut perlu membelanjakan 28 bilion pound (RM156 bilion) setahun bagi merawat 540,000 penduduknya yang menghidap masalah autisme.

“Tapi dengan kerajaan menyediakan Pusat Permata Kurnia yang bakal menyediakan pendidikan awal dengan kokurikulum dan pendekatan pengajaran terbaik, pastinya ia mampu mengurangkan kos rawatan.

“Bagi kerajaan, ini bukanlah seperti dana tetapi pelaburan untuk pembangunan rakyat dan demi kepentingan jangka masa panjang negara,” katanya ketika berucap merasmikan Pusat Permata Kurnia di sini hari ini.

Yang turut hadir Penaung Program Permata, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Pusat seluas 1.04 hektar di Jalan Sentul itu dibina dengan kos RM28 juta dan bakal menempatkan sehingga 300 kanak-kanak autisme yang berumur dari empat hingga tujuh tahun pada satu-satu masa.

Pada masa ini, kadar autisme di Malaysia berdasarkan rekod pada 2004 ialah satu dalam 600 kelahiran dan bilangan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun yang mengalami ciri-ciri autisme adalah 13,000 orang.